

12 SEP 1996

S46

PERSIAPAN PEMBUBARAN SEMANGAT 46 BERJALAN LANCAR

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah tidak menjangka sebarang masalah membubarkan parti pada perhimpunan agung khas 6 Okt ini bagi membolehkan anggotanya menyertai UMNO yang beliau sifatkan sebagai "keluarga besar".

Katanya semua anggota Majlis Tertinggi parti dan pemimpin di semua peringkat termasuk anggota perwakilan telah menunjukkan persetujuan terhadap cadangan pembubaran itu.

"Memang ada yang tidak setuju (menyertai Umno) tetapi bilangan mereka kecil, cuma dua atau tiga peratus," katanya pada persidangan berita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu di kediamannya di Jalan Langgak Golf di sini.

Mesyuarat tiga jam itu juga mungkin merupakan yang terakhir sebelum parti itu dibubar.

Tengku Razaleigh berkata beliau berharap dapat menyerahkan sekurang-kurangnya 200,000 borang permohonan menyertai Umno daripada anggota S46 kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Okt, bukannya 9 Okt seperti yang diumumkan sebelum ini.

Usul pembubaran S46 akan dibentang oleh Timbalan Presiden Datuk Rais Yatim pada perhimpunan agung khas itu.

"Kita harap selepas itu kita semua menjadi ahli kepada keluarga yang besar pimpinan Dr Mahathir," kata Tengku Razaleigh.

Perdana Menteri juga dijadual berucap pada "Perhimpunan Penyatuan Bangsa" yang akan diadakan di Kota Baharu pada 3 Okt. Ia dianjurkan bersama oleh Umno Kelantan dan S46.

Sebanyak 100 pemimpin Barisan Nasional dijemput untuk menyertai perhimpunan itu yang bertujuan menyedarkan rakyat tentang pentingnya penyatuan.

Mengenai peluang merampas kuasa daripada PAS di Kelantan, Tengku Razaleigh berkata tumpuan beliau sekarang ialah membawa masuk sebanyak mungkin anggota S46 menyertai Umno untuk mengukuhkan parti itu terutama di Kelantan.

Beliau berpendapat PAS semakin kurang mendapat sokongan terutama kerana corak kepimpinannya yang dianggap tidak menarik.

Ditanya kedudukan empat wakil rakyat S46 yang masih memegang jawatan Exco dalam kerajaan negeri Kelantan, Tengku Razaleigh berkata ia terserah kepada budi bicara mereka kerana "selepas ini saya bukan lagi Presiden S46".

Timbalan Menteri Besar II Kelantan Datuk Rozali Isohak, yang ditemui selepas mesyuarat itu, berkata setakat ini beliau belum mendapat arahan daripada parti berhubung kedudukan mereka.

"Buat masa ini kita kekal sebagai Exco. Selepas 6 Okt (pembubaran S46), kita kaji semula kedudukan itu," katanya.

Rozali dan tiga lagi anggota Exco Kerajaan Kelantan daripada S46 terus kekal memegang jawatan itu selepas PAS memutuskan hubungan dengan S46, kerana mereka berpendapat hanya Sultan boleh memecat mereka. -- BERNAMA

BD MOK MAI